



PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman : www.poi2u.com

Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121

SST Registration No./ No. CP - W10-1808-31021805

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Kemalangan Peribadi (PA-10 Plus).

Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi (PA 10 Plus)

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, kehilangan upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh peristiwa yang ganas, tidak sengaja, luaran dan ketara.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- (a) Ganti rugi berganda bagi kematian akibat kemalangan atau kehilangan upaya kekal semasa mengembara;
- (b) Kematian akibat kemalangan;
- (c) Kehilangan upaya kekal;
- (d) Perbelanjaan perubatan (kemalangan sahaja) untuk rawatan pesakit luar hospital dan/atau perbelanjaan kemasukan hospital dan pembedahan;
- (e) Pendapatan harian hospital;
- (f) Kehilangan upaya penuh / sebahagian sementara;
- (g) Kematian semasa di luar negara;
- (h) Elaun khairat kematian;
- (i) Tanggungan peribadi; dan
- (j) Bonus pembaharuan.

Nota: Sila rujuk kepada Jadual Faedah dalam kontrak polisi Kemalangan Peribadi (PA-10 Plus) untuk pampasan bagi kematian and kehilangan upaya.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.

3. Berapa banyak premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis rancangan yang anda pilih, jenis klasifikasi pekerjaan anda dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
▪ Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	▪ 25% daripada premium
▪ Duti setem	▪ RM10
▪ Cukai Perkhidmatan (CP)	▪ 6% daripada premium

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya harus ketahui?

- Kewajipan Pendedahan:
 - a) Kontrak Insurans Pengguna
 - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesi anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
 - Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
 - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
 - Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
 - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
 - b) Kontrak Insurans Komersial
 - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
 - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
 - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti pekerjaan anda dan usaha peribadi anda yang akan menjelaskan profil risiko dan bilangan polisi kemalangan peribadi yang anda telah beli daripada syarikat insurans lain;
- Insurans tidak akan berkuatkuasa sehingga premium sebenarnya telah dibayar kepada anda dan diterima oleh kami;
- Borang cadangan yang telah dilaksanakan mesti disediakan;
- Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami dalam tempoh 14 hari selepas kemalangan berlaku;
- Pemegang insurans tidak boleh berusia kurang daripada 3 tahun* atau melebihi 65 tahun; dan
- Anda mesti mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan, syarat-syarat, fasal dan pengendorsan polisi ini.

Nota*: Orang yang berusia antara 3 tahun ke 18 tahun (23 tahun jika sedang belajar) boleh dilindungi. Walaubagaimanapun, manfaat (a), (f.), (i) dan (j) adalah dikecualikan. Kanak-kanak adalah berhak kepada hanya 50% daripada manfaat yang lain [(b), (c), (d), (e), (g) dan (h)].

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- Risiko perperangan;
- Pembunuhan dan serangan yang disebabkan provokasi;
- Keadaan tidak siuman, membunuh diri atau sebarang percubaan berbuat demikian, sengaja mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan untuk melakukannya;
- Kehamilan, kelahiran anak keguguran, hernia atau sebarang masalah yang timbul daripadanya;
- Semasa pemandu sebarang kenderaan yang dinaiki oleh orang yang diinsuranskan berada di bawah pengaruh arak atau dadah;
- HIV dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS atau masalah berkaitan AIDS, tidak kira bagaimana ia disebabkan, sebarang penyakit berjangkit dan/atau sebarang derivatif akibat mutasi, variasi atau rawatannya dan/atau semua penyakit kelamin;
- Radiasi pengionan atau pencemaran sinaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear; dan
- Semasa melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan yang melanggar undang-undang atau semasa menentang penangkapan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis 14 hari kepada kami;
- Selepas pembatalan, kami akan menyimpan premium bagi tempoh polisi ini telah berkuatkuasa atau premium minimum, yang mana lebih tinggi;
- Kami juga boleh membatalkan polisi ini dengan memberi anda notis 14 hari secara bertulis melalui surat berdaftar;
- Sekiranya pembatalan dibuat oleh kami, anda berhak mendapat bayaran balik bahagian perkadaran premium yang meliputi tempoh insurans belum lupus, tertakluk kepada premium minimum yang akan disimpan; dan
- Duti setem tidak dikembalikan.

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Ia adalah penting yang anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Anda juga mesti memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan dalam profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan usaha peribadi anda yang akan menjelaskan profil risiko. Surat bertulis mesti diberikan kepada kami.

Nota: Kami mempunyai hak untuk menerima atau menolak tuntutan anda sekiranya penukaran profesion anda adalah berbahaya atau di bawah risiko yang dirujuk atau ditolak.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *infoinsurans* mengenai ‘Insurans Kemalangan Diri’, yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,

No. 10, Jalan Raja Laut,

50350 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2698 5033

Faks : 03-2693 8145

E-mel : poi2u@pacific-orient.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans kemalangan peribadi yang boleh didapati:

- Kemalangan peribadi kumpulan
- Kemalangan peribadi Continental
- Kemalangan peribadi pemandu dan penumpang (PA Plus, PA Plus A and PA Plus C)

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK AMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN SEORANG PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN PERIBADI YANG ANDA TELAH BELI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01.01.2021.